

>>Pegguna tahu mengenai bayaran serta kaedah digunakan untuk pembelian tiket

Caj MRT setara perkhidmatan

Pegguna tidak kisah tambang dikenakan antara RM1.20 hingga RM3.90

Rabi 'Atul 'Adawiyah Ismail
rabiatul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Hari pertama pelaksanaan tambang untuk pelanggan yang menggunakan perkhidmatan transit aliran massa (MRT) berjalan lancar bagi perjalanan dari Sungai Buloh ke Stesen Semantan, semalam.

Ternyata pengguna tidak kisah dengan tambang yang dikenakan antara RM1.20 hingga RM3.90 bergantung kepada jarak perjalanan mengikut struktur tambang tunai serta antara RM1.20 hingga RM3.40 bagi kaedah tanpa tunai.

Tinjauan Harian Metro ke Stesen MRT Sungai Buloh, semalam mendapati peng-



PERKHIDMATAN MRT jadi pilihan khususnya yang menetap dan bekerja berdekatan stesen MRT.

guna tahu mengenai bayaran serta kaedah yang digunakan untuk pembelian tiket.


Malah, mereka menyambut baik pelaksanaan pembayaran itu kerana berbaloi

dengan perkhidmatan yang ditawarkan.

Pegguna, Jamilah Daini, 28, berkata, semalam adalah pengalaman pertama dia menggunakan perkhidmatan

MRT bagi perjalanan dari Sungai Buloh ke Bandar Utama.

Menurutnya, dia tidak berpeluang menaiki MRT ketika perjalanan percuma, namun tidak kisah untuk membayar



Harianmetro
18/1/17
ms 20

“

Sebagai pengguna pengangkutan awam, saya memilih untuk menggunakan kaedah tanpa tunai kerana dapat merancang perbelanjaan bulanan”

Nurlina Hamzah

RM3.80 bagi perjalanan yang kurang dari 15 minit.

Penjawat awam, Nurlina Hamzah, 41, berpuas hati dengan tambang yang dikenakan kerana tidak banyak beza dengan harga tiket bagi perjalanan KTM Komuter.

Dia yang berulang-alik dari Damansara ke Muzium Negara berkata, akan menggunakan perkhidmatan MRT

dari Damansara Damai ke Semantan sebelum menaiki perkhidmatan KTM Komuter ke KL Sentral.

“Soal bayaran, ia bukan satu masalah. Sebagai pengguna pengangkutan awam, saya memilih untuk menggunakan kaedah tanpa tunai kerana dapat merancang perbelanjaan bulanan,” katanya.

Kuala Lumpur: Kaedah penentuan tambang bergantung kepada transit aliran massa (MRT) bagi fasa pertama laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) ditentukan berdasarkan jarak perjalanan antara stesen.

Ketua Pegawai Operasi MRT, Muhammad Isom Azis berkata, jumlah bayaran tambang ditetapkan menggunakan formula yang sama dengan pengangkutan lain iaitu jarak perjalanan.

“Tambang MRT dan LRT sedikit berbeza dengan MRT sedikit mahal harganya, tetapi hanya membabitkan beberapa sen. Namun, ia masih berpatutan untuk pengguna dan berbaloi untuk keselesaan perjalanan yang ditawarkan.

“Bermula Julai depan pengguna boleh menggunakan kad Rapid untuk bayaran tambang MRT sebagai kaedah bayaran tanpa tunai,” katanya ketika sidang media sempena lawatan media di Stesen MRT Sungai Buloh, semalam.

Isom berkata, pengguna digalakkan menggunakan kaedah tanpa tunai untuk membuat pembayaran kerana mendapat diskaun serta lebih memudahkan perjalanan.

Katanya, sejak 6 pagi semalam, semua penumpang dikenakan bayaran dan operasi peringkat awal berdepan beberapa masalah untuk penggunaan kad.

“Namun, semuanya terkawal dan berjalan lancar,” katanya.

Katanya, sepanjang per-

Kadar tambang bergantung jarak perjalanan



MUHAMMAD Isom (kiri) menaiki MRT selepas sidang media di Stesen MRT Sungai Buloh.



PENGUNA yang menggunakan khidmat MRT.



ORANG ramai membeli tiket MRT dengan kadar tambang antara RM1.20 hingga RM3.90 bergantung kepada jarak perjalanan.



TEMPAT letak kenderaan di Stesen MRT.

khidmatan percuma selama sebulan, seramai 1.2 juta pengguna dicatatkan dengan anggaran 27,000 hingga 30,000 penumpang setiap hari.

“Apabila perkhidmatan MRT dilancarkan bulan lalu, kami menasarkannya seramai 40,000 hingga 50,000 sehari.

“Namun, untuk jumlah 1.2

juta sebulan yang dicapai dalam tempoh sebulan sangat memberangsangkan. Diharapkan jumlah penumpang ini kekal, biarpun bayaran tambang dikenakan antara RM1.20 hingga RM3.90 untuk tambang tunai serta bayaran kaedah tanpa tunai,” katanya.